Telegrams: "MINLOG KOTA KINABALU"
Fax No.: 088-234076, 236177
Tel. No.: 088-236744
Your Ref.: 100-4/16 Jld( )
Our Ref.: 14 Februari 2008

KEMENTERIAN KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT
AND HOUSING)
Blok C, Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens
88999 Kota Kinabalu

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan
P.S. No. 221
90702 SANDAKAN

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau
P.S. No. 412
91007 Tawau

Pegawai Eksekutif
Majlis Daerah Lahad Datu
P.S. No.60249
91112 Lahad Datu

Tuan,

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL 2/2008 - BAYARAN PENFAILAN TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI PERUMAHAN (FILING FEE FOR TRIBUNAL FOR HOUSING PURCHASER CLAIMS)

Dengan hormatnya saya ingin merujuk keputusan yang dibuat dalam mesyuarat yang diadakan pada 14 Februari 2008 tentang perkara tersebut di atas.

2. Adalah dipersetujui dalam mesyuarat bahawa Bayaran Penfailan Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan (Filing Fee For Tribunal For Housing Purchaser Claims) akan dibahagikan dalam nisbah 0.50:0.50 di antara Kementerian ini dan majlis-majlis tuan.

3. Untuk mengakaunkan penerimaan bayaran ini dalam rekod perakaunan tuan, prosedur-prosedur seperti di bawah haruslah dipatuhi:-

(1) Mewujudkan Kod Akaun bertajuk `Penerimaan Bayaran Penfailan Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan (Collection of Filing Fee For Tribunal For Housing Purchaser Claims). Kod akaun ini akan digunakan dalam resit yang dikeluarkan kepada pembeli perumahan.

(2) Mengujudkan Kod Hasil bertajuk `Hasil Majlis Dari Penerimaan Bayaran Penfailan Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan` (Council Revenue From Filing Fee For Tribunal For Housing Purchaser Claims) untuk menampung 50% penerimaan yang dipindahkan dari kod akaun yang akan diwujud dalam Perenggan (1)

...2/-

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL 2/2008 - BAYARAN PENFAILAN TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI PERUMAHAN (FILING FEE FOR TRIBUNAL FOR HOUSING PURCHASER CLAIMS)

14 Februari 2008

---

(3) Satu resit akan dikeluarkan untuk setiap penerimaan dan

(4) Membuat bayaran kepada Kementerian ini tiap-tiap tiga bulan dan sertakan senarai butiran penerimaan seperti berikut dan mengdebitkan kod akaun yang akan diwujud dalam Perenggan (1) di atas dan (b) Penyata Harta dan Tanggungan untuk bulan yang berkenaan (misalnya, Penyata setakat 29 Februari 2008 hendaklah dikemukakan untuk penerimaan sehingga 29 Februari 2008).

Tarikh.Resit	Nombor Resit	Nama Pembayar	Jumlah Dalam Resit (RM)
xxx	xxx	xxx	xxx
xxx	xxx	xxx	xxx
	Jumlah Besar		***xxxx*** ====
	Jumlah Dibayar Kepada KKTP RM		***xxxx*** ====

Nombor Cek : .....

4. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan/pertanyaan, sila berhubung dengan Akauntan Kanan, **Cik Phak Shiu Len** melalui telefon *088-256744.*

Sekian, harap maklum.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

(DATUK UJANG SULANI)
Setiausaha Tetap

PSL/ry